

18/07/2000

Terengganu parah jika royalti petroleum dihapus

Ibrahim Muhamad

ISU kajian semula dan mungkin menarik balik pemberian royalti petroleum kepada Terengganu yang dicadangkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, terus dijadikan isu oleh pemimpin Pas dan rakyat negeri itu.

Pelbagai pendapat timbul, ada yang menyokong, ada yang membantah dan tidak kurang berkecuali, mungkin mereka tidak tahu isu sebenar yang dibangkitkan dan cara terbaik bagi golongan itu ialah mengambil sikap dengar dan senyum.

Hingga kini kita tidak tahu pihak mana yang betul dalam isu berkenaan kerana semua pihak terbabit mendakwa mereka betul, sama ada Kerajaan Pusat atau Kerajaan Terengganu yang sudah pun mendedahkan surat perjanjian pembayaran royalti dalam akhbar Warta Darul Iman yang diterbitkan kerajaan negeri.

Hasil perjanjian berkenaan, pemimpin Pas Terengganu bertegang urat mengatakan pemberian royalti itu adalah mutlak dan hak mereka. Manakala berbeza dengan kenyataan pemimpin Kerajaan Pusat yang mendakwa royalti itu diberi atas ihsan dan bukannya hakiki.

Kita lupakan sejenak isu surat perjanjian itu kerana sudah pasti semua pihak yang ingin menyelesaikan masalah itu akan membawanya ke muka pengadilan bagi mendapat keputusan siapa benar.

Sebaliknya, mari kita lihat apa pentingnya wang yang begitu banyak itu kepada Kerajaan Terengganu dan jika wang itu dinafikan, apa implikasi yang dihadapi.

Menurut teks belanjawan Kerajaan Negeri Terengganu yang dibentangkan Menteri Besar, Abdul Hadi Awang, jumlah anggaran hasil yang akan diperolehi Terengganu bagi tahun 2000 berjumlah RM692.182 juta.

Berasaskan jumlah perolehan itu, hasil royalti petroleum dijangka berjumlah RM530 juta (pada masa itu RM810 juta belum diumumkan), yang menjadi penyumbang utama, iaitu sebanyak 76.56 peratus daripada hasil keseluruhan negeri itu.

Cuba kita bayangkan jika perolehan sumber royalti itu dinafikan Kerajaan Pusat. Ini bererti Kerajaan Terengganu hanya akan mengumpul kira-kira RM162 juta untuk tahun ini. Jumlah ini akan menjadikan Terengganu antara negeri termiskin di negara ini.

Bagaimana pemimpin Pas dapat mentadbir Terengganu dengan sumber kewangan yang kecil jika cadangan Kerajaan Pusat terlaksana sedangkan keperluan sumber kewangan untuk mentadbir negeri itu sebagaimana dicadangkan dalam ucapan belanjawan itu membabitkan perbelanjaan mengurus berjumlah RM683.7 juta.

Sekiranya sumber kewangan tidak ada, apa yang mungkin dapat dilihat ialah kerajaan negeri akan mengecilkan sektor awam dengan memberhentikan kakitangan kontrak, sambilan dan memberi pilihan kepada kakitangan di jabatan yang tidak penting.

Kakitangan sokongan yang berhenti kerana pencen atau secara sukarela tidak akan diganti untuk penjimatan, sebaliknya hanya akan mengekalkan pekerja pada kadar minimum seperti yang berlaku di sektor awam negeri itu pada tahun 60-an.

Kesan yang kita dapat lihat hasil pengecilan sektor awam ialah wujudnya pengangguran yang besar kepada rakyat negeri itu yang akhirnya akan berlaku penghijrahan secara besar-besaran rakyat ke bandar besar, seperti Kuantan, Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Johor dan sekitar Selangor.

Kesan lain ialah sektor perniagaan akan mengecil, contohnya pasar raya

akan tutup setelah kuasa membeli semakin rendah kerana masyarakat tiada sumber kewangan.

Pada waktu itu, rakyat sudah tidak lagi dapat memikirkan soal parti politik, soal memilih kerja atau di mana mereka akan bekerja, kerana perut perlu diisi, anak perlu ke sekolah, dapur pasti berasap.

Inilah satu harga yang perlu dibayar oleh rakyat Terengganu secara keseluruhannya, setelah membuat perhitungan dalam pilihan raya umum pada November tahun lalu.

Mereka kurang sedar atau tidak terlintas langsung di benak bahawa senario ini akan berlaku kerana menganggap setiap kerajaan itu tetap sama, dan bertukar kerajaan itu boleh dianggap seperti menukar baju.

Seperti pantun Allahyarham Abdul Malik Karim Amrullah (Hamka);

Pulau Pandan Jauh Ketengah,

Di Balik Pulau Angsa Dua,

Hancur Badan Dikandung Tanah,

Budi Yang Baik Terkenang Jua

(menyesal dahulu pendapatan, menyesal kemudian tiada gunanya).

(END)